

BN kekalkan tiga formula jamin kestabilan negara

BH 11 APR 2001

Laporan Nadzim Ahmad Jamaluddin dan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Pembastrian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat tanpa mengira kaum serta perkongsian kuasa politik yang menjadi teras kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) selama tiga dekad lalu akan dikekalkan bagi meneruskan keamanan dan kestabilan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan BN berazam meneruskan formula itu atas kesedaran bahawa Malaysia adalah negara pelbagai kaum dan agama yang memerlukan tolak ansur dalam pentadbiran.

Justeru, katanya, tindakan pembangkang menuhkan kerajaan bertanggungjawab terhadap keganasan yang tercetus di Jalan Klang Lama baru-baru ini adalah tidak adil dan tanpa asas kukuh.

"Hakikatnya, parti pem-

Jika pendekatan BN selama ini tidak berkesan dan menjadi punca ketegangan kaum, sudah tentu kerajaan tidak mampu bertahan hingga sekarang

bangkang tidak perpah memahami formula BN, sebaliknya lebih cenderung menuntut meritokrasi yang mengakibatkan ketidakseimbangan pengagihan kek ekonomi kepada orang Melayu.

"Jika pendekatan BN selama ini tidak berkesan dan menjadi punca ketegangan kaum, sudah tentu kerajaan tidak mampu bertahan hingga sekarang tanpa gagal menguasai dua pertiga daripada kerusi Parlimen dalam setiap pilihan raya.

"Ternyata formula BN yang berteraskan kekua-

tan perpaduan masyarakat majmuk ini menjadi asas menjamin kesinambungan keamanan dan kemakmuran negara," katanya ketika menggulung perbincangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) mewakili Jabatan Perdana Menteri.

Dewan Rakyat kemudian meluluskan usul RRJP3 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) itu, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa lalu dan dibahas selama tiga hari.

Abdullah berkata, RRJP3

adalah hasil persetujuan parti komponen BN selepas mendapat maklum balas rakyat menerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) yang tidak disertai anggota parti pembangkang, walaupun dijemput.

Katanya, keengganan pembangkang itu membuktikan mereka tidak bersungguh-sungguh dan mungkin juga tidak ikhlas atau tidak mampu membantu mencorak masa depan negara seperti yang dituntut dalam RRJP3.

Beliau berkata, ada di antara mereka hanya memberi tumpuan pada satu konsep Islam saja dan tidak kepada Islam yang menggalakkan usaha mencari ilmu pengetahuan serta kejayaan tetapi pada masa yang sama, mengutamakan keadilan sosial.

Abdullah menjelaskan, RRJP3 bukan strategi lama yang pernah dibangkitkan

sebelum ini, sebaliknya ia adalah pelan berlainan yang lebih menumpukan kepada keperluan membentuk masyarakat berasaskan pengetahuan.

"Kandungan RRJP3 adalah satu anjakan dan strategi untuk semua golongan rakyat tanpa membezakan dasar perjuangan politik, perkauman atau menjurus kepada kejayaan satu suku, bangsa atau agama tertentu saja.

"Ia lebih mencerminkan sasaran yang ingin dicapai semua rakyat negara ini dengan pendekatan baru ke arah mewujudkan satu bangsa Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memberi penekanan khusus terhadap penguasaan rakyat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai bidang yang berhubung kait dengan sektor lain sedia ada.

Penguasaan teknologi seperti ICT, kata Abdullah, boleh dijadikan pemangkin kepada semua sektor ekonomi, sosial dan pentadbiran, sekali gus membantu meningkatkan daya saing di peringkat global, selaras dengan tuntutan RRJP3.

Katanya, pencapaian itu dapat memberi kestabilan ekonomi yang mampu membantu mempercepat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta mengukuhkan lagi perpaduan nasional.

Beliau berkata, pembangunan yang disasarkan RRJP3 itu bukan sekadar mengukuh atau menokok tambah kepada apa yang sedia ada, tetapi membara pemikiran dan usaha baru yang akan mempengaruhi pembangunan negara dan rakyat, mirip kepada falsafah DEB selama ini, yang menjiwai pembangunan bangsa.